



TATACARA PERMOHONAN NO. PIN BAGI e-FILING

Permohonan No. PIN e-Filing bagi mendaftarkan sijil digital individu atau organisasi perlu dibuat melalui **kaunter Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** disalurkan berikut:

- Cawangan LHDNM
- Pusat Transformasi Bandar (UTC)
- Pusat Khidmat Hasil (PKH).

Tatacara mendapatkan No. PIN tersebut adalah seperti di bawah :

SIJIL DIGITAL INDIVIDU

Dokumen yang perlu dikemukakan:

- Kad Pengenalan/Pasport pemohon
- Borang Permohonan No. PIN-Individu (CP55D), boleh didapati di kaunter LHDNM
- Permohonan melalui pihak ketiga dibenarkan dengan syarat terdapat kebenaran bertulis daripada pemohon yang diiringi dengan salinan pengenalan diri pemohon dan wakil.

SIJIL DIGITAL ORGANISASI BAGI SYARIKAT

Sijil Digital Organisasi hanya diberikan kepada individu yang diberi kuasa di bawah subseksyen 75(1)(a) ACP 1967 bagi syarikat. Pada satu-satu masa, syarikat hanya boleh melantik seorang individu yang diberi kuasa yang boleh memiliki sijil digital organisasi.

Dokumen yang perlu dikemukakan:

- Kad Pengenalan/Pasport pemohon
- Borang Permohonan No. PIN-Organisasi (CP55B) , boleh didapati di kaunter LHDNM
 - * Sekiranya Borang CP55B ditandatangani oleh individu selain daripada Pengarah Syarikat, sertakan bersama surat lantikan dan salinan pengenalan diri pengarah syarikat dan pemohon.
- Salinan Borang 49.

Permohonan melalui pihak ketiga dibenarkan dengan syarat terdapat :

- Kebenaran bertulis kepada Wakil Syarikat menggunakan kepala surat syarikat; dan
- Dokumen-dokumen seperti di atas.